JOIN TELEGRAM
@exercise_students
UNTUK ANALISIS & TIPS SPM 2026 !



1223/1
Pendidikan Islam
Kertas 1
Julai / Ogos
2026
Peraturan
Pemarkahan

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2026

# PENDIDIKAN ISLAM

## Kertas 1

## PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan Pemarkahan ini adalah **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat di dalam Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi **17** halaman bercetak.

1223/1 (PP) © 2026 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | - Diberi minuman dari air panas yang menggelegak.<br>- Dikenakan azab siksaan yang pedih.<br>- Dimasukkan ke neraka. | [2 isi x 1m=2m] |
| | | (ii) | - Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT.<br>- Mengejek dan menghina sunah Rasulullah SAW.<br>- Menghina golongan ulama dan orang soleh.<br>- Mentafsir al-Quran menghikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata.<br>- Menyanjung perbuatan maksiat.<br>- Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. | [2 isi x 1m=2m] |
| | | (iii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Menguatkuasakan undang-undang.<br>- Pendidikan dan kesedaran tentang adab serta etika penggunaan media sosial.<br>- Ibu bapa dan pihak sekolah hendaklah memberi pendidikan moral dan agama.<br><br>**Contoh Jawapan:**<br>- Menguatkuasakan undang-undang terhadap individu yang mempersendakan agama di media sosial (1m) supaya menjadi pengajaran kepada orang lain. (1m) | [1 isi x 2m=2m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | KBAT<br>**Rubrik penskoran:**<br><table><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>**Cadangan isi:**<br>- Menetapkan peraturan kumpulan supaya ahli tidak menghantar mesej atau gambar yang mempersendakan agama.<br>- Memberi nasihat dan peringatan kepada ahli kumpulan agar menghormati kepercayaan agama orang lain.<br>- Memadam kandungan yang menghina agama.<br>- Melaporkan individu yang melanggar peraturan kepada guru.<br>- Berkongsi bahan positif seperti mesej perpaduan, nilai hormat-menghormati dan kepentingan toleransi antara agama.<br><br>**Contoh Jawapan:**<br>Sebagai seorang pentadbir kumpulan *WhatsApp* kelas, saya akan menetapkan peraturan kumpulan supaya ahli tidak menghantar mesej atau gambar yang mempersendakan agama. (1m) Ini bertujuan agar dapat mendidik ahli kumpulan supaya lebih berhati-hati ketika berkongsi kandungan di media sosial. (1m) Kesannya ahli kumpulan akan memahami bahawa setiap agama perlu dihormati dan tindakan mempersendakan agama boleh menimbulkan pergaduhan serta menjejaskan perpaduan dalam kalangan pelajar. (1m) Oleh itu, kita hendaklah menggunakan media sosial secara beretika agar dapat mewujudkan suasana kumpulan yang harmoni dan saling menghormati. (1m) | [4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | - Pemimpin yang adil.<br>- Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT.<br>- Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.<br>- Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>- Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.<br>- Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata. | [2 isi x 1m =2m] |
| | | (ii) | - Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan dalam talian.<br>- Mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid.<br>- Memasukkan wang sedekah ke dalam tabung masjid tanpa diketahui orang lain.<br>- Memberikan bantuan makanan kepada golongan miskin secara senyap tanpa memberitahu orang ramai.<br><br>Catatan: Jawapan munasabah diterima | [2 isi x 1m=2m] |


1223/1 (PP) © 2026 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran:**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br>**Cadangan isi:**<br>- Membantu golongan miskin dan memerlukan agar beban hidup mereka dapat diringankan.<br>- Memupuk sikap kasih sayang dan prihatin terhadap kesusahan orang lain dalam masyarakat.<br>- Melahirkan individu yang bertanggungjawab untuk berkongsi rezeki dan membantu insan yang kurang bernasib baik.<br>- Mengeratkan hubungan silaturahim serta mewujudkan masyarakat yang hidup dalam suasana harmoni dan saling membantu.<br><br>**Contoh Jawapan:**<br>Amalan sedekah dapat membantu orang miskin, anak yatim dan golongan yang memerlukan. (1m) Hal ini kerana ia dapat meringankan beban hidup yang dihadapi oleh mereka. (1m) Kesannya golongan ini akan berasa lebih dihargai serta mendapat keperluan asas untuk meneruskan kehidupan. (1m) Oleh itu, kita hendaklah menghidupkan amalan bersedekah kerana ia dapat melahirkan masyarakat yang penyayang dan prihatin terhadap kesusahan orang lain. (1m) | [4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |
| | (c) | | i. Mad Lazim Harfi Mukhaffaf<br>ii. Mad Lazim Kalimi Muthaqqal | [2 isi x 1m = 2m] |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas (1m) dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas. (1m)</td><td>[1 isi x 2m=2m]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>- Allah SWT memberikan pembalasan dengan siksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.<br>- Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa ad-Dukhan, kaum Quraish ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana mereka menolak dakwah Rasulullah SAW.<br>- Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agamanya setelah diutuskan rasul dan diberi keterangan yang jelas.</td><td>[1 isi x 2m=2m]</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>- Mengingkari rukun Islam atau satu daripadanya.<br>- Mengingkari hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT / mengingkari pengharaman zina / menghalalkan liwat dan musahaqah.<br>- Beriktikad bahawa undang-undang syariat berteraskan al-Quran dan As-Sunah ialah undang-undang yang lapuk dan tidak sesuai diamalkan.</td><td>[2 isi x 1m =2m]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>KBAT<br>Rubrik penskoran<table><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr></table>Cadangan isi:<br>- Perbuatan ini termasuk dalam amalan syirik .<br>- Menafikan keesaan Allah SWT.<br>- Berhala tidak mempunyai kuasa.<br>- Perbuatan ini merosakkan hubungan dengan Allah SWT.<br><br>Contoh jawapan:<br>- Perbuatan ini termasuk dalam amalan syirik (1m) yang boleh menyebabkan seseorang terpesong dari ajaran Islam. (1m)</td><td>[1 isi x 2m=2m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT<br><br>Rubrik penskoran:
<table>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Negara akan mengalami kemunduran.<br>- Imej negara akan tercemar.<br>- Ekonomi negara akan merosot.<br><br>Contoh Jawapan:<br>Negara akan mengalami kemunduran. (1m) Hal ini demikian kerana rakyat menjadi malas untuk berusaha dan menuntut ilmu. (1m) Kesannya negara tiada inovasi dan pembaharuan dalam menuju kemajuan. (1m) Oleh itu, kita hendaklah beriman kepada Allah SWT sepenuh hati agar hidup sentiasa diberkati Allah SWT. (1m)</td><td>[4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib yang berpaling tadah (1m) kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim. (1m)</td><td>[1 isi x 2m=2m]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>KBAT<br>Rubrik penskoran
<table>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Mendampingi para ulama.<br>- Mendalami ilmu agama berdasarkan al-Quran dan al-Sunah.<br>- Menghadiri majlis ilmu.<br>- Menapis maklumat dalam media sosial.<br>- Memilih rakan yang baik dan tidak terlibat dengan ajaran sesat.</td><td>[1 isi x 2m=2m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
</table>


1223/1 (PP) © 2026 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

**Join SPM Study Group**
https://spmpaper.me/group

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Contoh jawapan:**<br>- Mendampingi para ulama agar ilmu agama yang dipelajari dapat membezakan ajaran yang batil. | |
| | | (iii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran:**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br>**Cadangan isi:**<br>- Berlaku perpecahan dalam kalangan umat Islam.<br>- Muncul budaya kebencian yang boleh mencetuskan pergaduhan.<br>- Umat Islam akan dipandang negatif.<br>- Kemajuan negara akan terjejas apabila sibuk menghukum orang lain.<br>**Contoh Jawapan:**<br>Berlaku perpecahan dalam kalangan umat Islam. (1m) Hal ini demikian kerana mereka merasakan pandangan mereka adalah yang terbaik sehingga menidakkan pendapat orang lain. (1m) Kesannya akan berlaku pergaduhan dan keganasan atas nama agama. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mendalami ilmu agama dengan landasan yang betul agar selamat di dunia dan di akhirat. (1m) | [4 isi x 1m =4m]<br>Catatan:<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |
| 3 | (a) | (i) | - Miqat Makani.<br>- Miqat Zamani. | [2 isi x 1m =2m] |
| | | (ii) | a. Zulhulaifah / Bir 'Ali | [1 isi x 1m=1m] |
| | | | b. Yalamlam. | [1 isi x 1m=1m] |

[Lihat halaman sebelah

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran**<br><br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Dijamin sah dan diiktiraf.<br>- Mengelakkan penipuan dan sindiket.<br>- Mendapat visa haji yang sah.<br>- Pengurusan lebih teratur.<br>- Mendapat bimbingan ibadah yang betul.<br><br>**Contoh jawapan:**<br>Pada pendapat saya, pakej haji yang dilesenkan oleh Lembaga Tabung Haji perlu dipilih kerana ia dapat mengelakkan jemaah daripada menjadi mangsa penipuan. (1m) Hal ini demikian kerana pakej yang sah telah disemak dan diluluskan oleh pihak berkuasa. (1m) Kesannya urusan perjalanan adalah lebih terjamin dan selamat. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah melaksanakan ibadah haji mengikut cara yang betul supaya dapat menunaikan ibadah haji dengan tenang tanpa risau ditipu. (1m) | [4 isi x 1m=4m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |
| | (b) | (i) | Maksud sembelihan ialah menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya (1m) dengan cara memutuskan urat halkum dan urat meri'. (1m) | [1 isi x 2m=2m] |
| | | (ii) | - Menyembelih di hadapan binatang yang lain.<br>- Menyembelih pada waktu malam.<br>- Tidak menghadap kiblat.<br>- Tidak membaca basmalah.<br>- Menyiksa binatang.<br>- Menggunakan pisau yang tumpul. | [2 isi x 1m=2m] |


1223/1 (PP) © 2026 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>- Membezakan antara daging yang halal dengan daging yang haram (1m) supaya ibadah diterima. (1m)<br><br>Catatan:<br>- Sekiranya jawapan dari sudut sains tidak diterima.</td><td>[1 isi x 2m=2m]<br><br>Catatan:<br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>KBAT<br>Rubrik penskoran
<table><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr></table>
Cadangan isi:<br>- Terlalu mengikut perasaan dan keinginan tanpa membuat semakan terlebih dahulu.<br>- Terlalu mudah percaya dengan tawaran yang dijanjikan.<br>- Kurang pengetahuan tentang hukum poligami.<br><br>Contoh jawapan:<br>Scam poligami berlaku kerana sikap sesetengah individu yang terlalu mengikut perasaan dan keinginan (1m) menyebabkan penipu mudah memperdayakan mangsa demi keuntungan diri. (1m)</td><td>[1 isi x 2m=2m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>KBAT<br>Rubrik penskoran
<table><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table>
Cadangan isi:<br>- Mendapatkan maklumat dan nasihat daripada pihak berkuasa agama sebelum membuat keputusan berkaitan poligami.<br>- Menyemak latar belakang individu serta kesahihan dokumen supaya tidak mudah tertipu.</td><td>[4 isi x 1m=4m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | - Mengelakkan sikap terlalu mudah percaya terhadap janji manis atau tawaran yang mencurigakan.<br>- Meningkatkan penghayatan agama dan nilai integriti agar tidak mengambil kesempatan terhadap orang lain.<br>- Melaporkan kes penipuan kepada pihak berkuasa supaya tindakan dapat diambil terhadap *scammer*.<br><br>**Contoh jawapan:**<br>*Scam* poligami dapat diatasi dengan mendapatkan nasihat dan maklumat daripada pihak berkuasa agama sebelum membuat keputusan berkaitan poligami. (1m) Hal ini kerana pihak berkuasa dapat menerangkan prosedur yang betul serta membantu menyemak kesahihan seseorang individu atau dokumen yang digunakan. (1m) Dengan cara ini, masyarakat tidak mudah tertipu oleh pihak yang mengambil kesempatan demi keuntungan peribadi. (1m) Kesimpulannya, umat Islam hendaklah mengikut cara yang betul dalam berpoligami supaya hidup bahagia di dunia dan di akhirat. (1m) | |
| 4 | (a) | (i) | Saidina Abu Bakar al-Siddiq. | [1 isi x 1m=1m] |
| | | (ii) | Berjaya memerangi golongan murtad / nabi palsu / golongan yang enggan membayar zakat. | [1 isi x 1m=1m] |
| | | (iii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Lebih dipercayai oleh semua orang.<br>- Lebih bertanggungjawab dalam memikul amanah.<br>- Lebih telus dan jujur dalam berkomunikasi.<br>- Membuat keputusan berdasarkan pertimbangan dan prinsip yang berlandaskan syarak.<br><br>**Contoh jawapan:**<br>Pemimpin yang berintegriti lebih bertanggungjawab dalam memikul amanah (1m) kerana mereka bertindak berlandaskan hukum syarak. (1m) | [1 isi x 2m=2m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |

[Lihat halaman sebelah

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>KBAT<br>Rubrik penskoran:<br><table><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table>Cadangan isi:<br>- Pembangunan negara menjadi mundur.<br>- Kadar jenayah dan gejala sosial dalam negara akan meningkat.<br>- Penyalahgunaan kuasa dan rasuah dalam kalangan pemimpin negara berleluasa.<br>- Negara menjadi huru hara.<br>- Imej negara tercemar.<br><br>Contoh Jawapan:<br>Tindakan tidak berintegriti boleh menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat. (1m) Hal ini akan mengancam kestabilan dan merosakkan keharmonian kaum serta ketenteraman awam. (1m) Kesannya keadaan negara akan menjadi huru-hara dan dipandang rendah oleh negara lain. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah memilih pemimpin yang berintegriti agar keharmonian negara dapat dikekalkan. (1m)</td><td>[4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>- Sultan Uthman bin Ertughrul.<br>- Sultan Murad 1.<br>- Sultan Muhammad al-Fateh.<br>- Sultan Sulaiman al-Kanuni.</td><td>[2 isi x 1m=2m]</td></tr>
</table>

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | - Pemerintah berperanan dengan berkesan sebagai ketua tentera, ketua agama dan hakim tertinggi.<br>- Pemerintah menyelaraskan pemerintahan dan keagamaan dibantu oleh pegawai pentadbiran.<br>- Penguasaan laluan di antara benua Eropah dengan benua Asia apabila menguasai Selat Dardanelles dan Selat Bosporus.<br>- Menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu.<br>- Menaik taraf dan membina institusi masjid seperti masjid Kasbah di Algeria.<br>- Penjagaan kebajikan rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan.<br>- Mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat.<br>- Sistem wakaf yang sistematik meliputi aspek keperluan asas, pendidikan dan kesihatan.<br>- Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan tentera.<br>- Menjaga kebajikan tentera dengan menyelaras sistem kenaikkan pangkat, imbuhan dan kelengkapan senjata. | [2 isi x 1m =2m] |
| | | (iii) | - Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa (1m) supaya urusan pentadbiran berjalan lancar. (1m)<br>- Kita hendaklah sentiasa berpegang pada ajaran Islam (1m) supaya hidup diberkati Allah SWT. (1m)<br>- Kita hendaklah sentiasa memperbanyak penerokaan ilmu (1m) agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa. (1m)<br>- Kita hendaklah sentiasa menghayati semangat cinta akan negara (1m) agar rela berkorban mempertahankannya daripada serangan musuh. (1m)<br>- Kita hendaklah menolak campur tangan asing (1m) untuk menjaga kedaulatan negara. (1m) | [1 isi x 2m =2m]<br><br>Catatan:<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | (c) | (i) | a. Yusuf bin Ayub bin Syazi.<br><br>b. Pemerintah / Sultan / Ketua bagi kerajaan al-Ayubiyah. | [1 isi x 1m=1m]<br><br>[1 isi x 1m=1m] |



1223/1 (PP) © 2026 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

SERTAI TELEGRAM @exercise_students



| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran:**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br>**Cadangan isi:**<br>- Mencontohi kegigihan beliau dalam menuntut ilmu agama dan duniawi sebagai persediaan memimpin.<br>- Mendekati dan memuliakan golongan alim ulama untuk mendapatkan bimbingan rohani.<br>- Berani mempertahankan kebenaran dan menegakkan syiar Islam.<br>- Mencontohi sifat rendah diri dan pemaaf beliau, meskipun beliau seorang pemimpin yang berkuasa.<br><br>**Contoh Jawapan:**<br>Sebagai seorang murid saya mencontohi kehebatan Salahuddin al-Ayubi dengan cara menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh. (1m) Inspirasi ini mendorong saya untuk rajin membaca buku-buku ilmiah. (1m) Kesannya, saya dapat menyediakan diri saya untuk menjadi pemimpin yang hebat dan cemerlang. (1m) Kesimpulannya, kecemerlangan sesebuah negara itu bergantung kepada kebijaksanaan pemimpinnya mentadbir negara tersebut. (1m) | [4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |
| 5 | (a) | (i) | - Mendoakan kesihatan mereka.<br>- Membantu mereka yang ingin melakukan ibadat.<br>- Mengingatkan pesakit bahawa sakit adalah sebahagian daripada ujian Allah SWT kepada hamba-Nya.<br>- Membantu pesakit mengambil wuduk.<br>- Mengingatkan pesakit supaya menunaikan kewajipan kepada Allah SWT.<br>- Mengingatkan pesakit supaya sentiasa mengingati Allah SWT. | [2 isi x 1m=2m] |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Dapat menggembirakan pesakit.<br>- Dapat mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat.<br>- Melahirkan keinsafan.<br>- Dapat meringankan penderitaan pesakit.<br>- Menunjukkan sifat kasih sayang sesama manusia.<br>- Mencerminkan akhlak terpuji.<br>- Mencontohi akhlak Rasulullah SAW yang penyayang.<br><br>**Contoh jawapan:**<br>Dapat menggembirakan pesakit (1m) agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT. (1m) | [1 isi x 2m=2m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | | (iii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran:**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi:** SERTAI TELEGRAM @exercise_students<br>- Akan menjaga dengan penuh kesabaran.<br>- Akan membantu menyediakan keperluan rawatan.<br>- Sentiasa memberi sokongan moral.<br>- Sentiasa mendoakan kesihatan.<br><br>**Contoh Jawapan:**<br>Saya akan menjaga mereka dengan penuh kesabaran. (1m) Hal ini demikian kerana dapat meringankan penderitaan yang ditanggung oleh pesakit. (1m) Kesannya dapat memberi ketenangan dan kegembiraan kepada pesakit. (1m) Oleh itu, kita hendaklah sentiasa prihatin terhadap orang sakit agar mendapat ganjaran pahala di akhirat kelak. (1m) | [4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |

[Lihat halaman sebelah

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | Sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia. | [1 isi x 2m=2m] |
| | | (ii) | - Tawaduk dalam pergaulan (1m) seperti sentiasa bersikap lemah lembut terhadap kanak-kanak/ tidak sombong walaupun mempuyai kedudukan yang mulia/ menghormati /menyayangi kanak-kanak/ mengusap rambut/ mengucapkan salam ketika bertemu. (1m)<br>- Tawaduk dalam kehidupan rumah tangga (1m) seperti bersama-sama membantu isteri melayani keluarga/ menguruskan rumahtangga/ menampal selipar/ menjahit pakaian/ melaksanakan tanggungjawab dalam rumahtangga seperti orang lain. (1m)<br>- Tawaduk ketika makan dan minum (1m), contohnya tidak pernah mencela makanan yang disediakan untuk baginda. (1m) | [1 isi x 2m=2m]<br><br>Catatan:<br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m<br><br>Sekiranya calon memberikan contoh sahaja = 1m |
| | (c) | (i) | Melakukan amalan untuk dilihat dan dipuji oleh orang lain. | [1 isi x 2m=2m] |
| | | (ii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran:**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>**Cadangan isi:**<br>- Lakukan ibadat dengan ikhlas.<br>- Menjauhi sifat riak.<br>- Tidak mendapat pahala.<br>- Amalan menjadi sia-sia<br><br>**Contoh Jawapan:**<br>Pada pendapat saya Amir sepatutnya melakukan ibadah solat sunat dhuha dengan penuh keikhlasan (1m) kerana perbuatan riak boleh mengurangkan pahala amalan serta menjadikan ibadah tidak diterima oleh Allah SWT. (1m) | [2 isi x 1m =2m]<br><br>Catatan:<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>(huraian mestilah menghuraikan isi) |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran**<br><br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Menasihati Amir secara baik dan berhikmah.<br>- Mengingatkan Amir tentang bahaya sifat riak.<br>- Mengajak Amir memperbetulkan niat kerana Allah SWT.<br>- Menjadi contoh sahabat yang ikhlas dalam beribadah.<br>- Memberi sokongan supaya Amir terus beramal dengan ikhlas.<br><br>**Contoh jawapan:**<br>Hakim hendaklah menasihati Amir secara baik dan berhikmah (1m) supaya membetulkan niat ketika beribadah. (1m) Hal ini kerana ibadah yang dilakukan untuk menunjuk-nunjuk boleh membawa kepada sifat riak dan mengurangkan pahala amalan. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah ikhlas dalam beribadah supaya ibadah diterima Allah SWT. (1m) | [4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan:<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |

Rubrik penskoran (jadual):

| | |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**